SENTIASA SEGAR SETIAP HARI
supa save
BETTER QUALITY. BETTER VALUE.
Supa Save Brunei @SupaSaveBrunei

'World Cafe' kongsi amalan terbaik

Antara aktiviti yang turut diadakan semasa sesi 'World Cafe' tersebut.

Awang Metussin bin Haji Jais ketika menerangkan mengenai Projek Satellite School.

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Feb – Pemimpin-pemimpin sekolah Kluster 2 yang terdiri daripada pengetua, guru besar, timbalan pengetua dan penolong guru besar, semalam, telah menghadiri sesi 'World Cafe' bagi berkongsi amalan-amalan terbaik.

Sesi berkenaan telah diadakan di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan dan hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan Profesional, Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dayang Marina Chek binti Bujang.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, SEI (Secondary Education Initiatives) dan PEI (Primary Education Initiatives) 'World Cafe' ini adalah satu wadah bagi semua pemimpin sekolah untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran di samping meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam kualiti kepimpinan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang mengintegrasikan kemahiran abad ke-21.

Ia juga diharap menjadi medan bagi menjana inovasi dan kreativiti dalam pemimpin sekolah dalam menangani isu-isu pengajaran dan pembelajaran.

Sesi profesional ini juga diselajurkan dengan perasmian Projek 'Satellite School Cluster 2' iaitu penubuhan kumpulan sekolah-sekolah yang dijadikan sebagai pakar rujuk dalam meningkatkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran.

UNISSA terima kunjungan Presiden IFIHL, Qatar

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Feb – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), kelmarin, telah menerima pengiktirafan antarabangsa dengan kunjungan lawatan kerja daripada Presiden Al-Muntada Al-Islami Li Al-Qanun Ad-Dauli Al-Insani (IFIHL), Qatar, Dr. Fauzi Oussdiddiq.

Hadir bagi mengalu-alukan kunjungan Presiden IFIHL ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Dr. Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin dan seterusnya menyampaikan taklimat tentang penubuhan UNISSA.

Pihak UNISSA juga berkesempatan mendengarkan sesi ceramah umum yang telah disampaikan oleh Presiden IFIHL. Perbahasan yang disentuh adalah bidang undang-undang dan hak asasi manusia yang telah dipesongkan oleh orang-orang yang mempunyai kepentingan peribadi dan agama Islam membetulkan perkara ini mengikut apa yang telah diajarkan melalui Al-Quran dan Al-Hadis.

Menurut kenyataan UNISSA, kunjungan ini membuktikan bahawa universiti berkenaan bukan hanya dikenali oleh pihak institusi pengajian tinggi antarabangsa malah juga dikenali oleh badan-badan NGO luar negara.

Kehadiran Presiden IFIHL merupakan langkah ke arah mengetengahkan UNISSA untuk terus maju ke hadapan dalam memberikan sokongan kepada masyarakat dunia Islam, ujar UNISSA.

Antara tujuan kunjungan beliau adalah untuk memperkenalkan peranan IFIHL terhadap dunia Islam dan tanggungjawab yang dipikul dalam memberi kefahaman kepada dunia tentang ajaran agama Islam.

Pertubuhan berkenaan juga merupakan sebahagian daripada Jawatankuasa Islam Antarabangsa Bulan Sabit (ICIC) dan antara aktiviti penubuhannya adalah bertujuan mengukuhkan berkenaan dengan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan penyebaran prinsip-prinsip dan peraturan mengikut garis pandu syariat Islam.

Atas dasar itu juga, beliau akan berusaha membantu kepakaran ilmiah yang ada di UNISSA melalui penulisan jurnal khususnya dalam bidang perundangan Islam.

Presiden IFIHL bergambar ramai bersama dekan dan para pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang.

JSS terima kunjungan penghulu, ketua kampung

Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Korporat) menyampaikan cenderamata kepada Yang Berhormat Awang Naim.

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Feb – Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan telah menerima kunjungan lawatan kerja penghulu dan ketua-ketua kampung Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara, kelmarin. Majlis perjumpaan tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat JSS, Bangunan Kondominium, Jalan Ong Sum Ping, di ibu negara.

Kedatangan rombongan yang diketuai oleh Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis telah disambut oleh Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Korporat), JSS, Haji Mohd Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh dan Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Profesional), JSS, Dayang Marina Chek binti Bujang selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Perjumpaan itu turut dihadiri sama oleh ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit dan pegawai-pegawai kanan di JSS. Menurut kenyataan yang diterima, lawatan kerja tersebut adalah bertujuan untuk mengetahui perkembangan pendidikan pada masa ini, mengetahui kemajuan sekolah-sekolah dan permasalahan, bertukar pandangan dan buah fikiran serta bersuai kenal dengan pegawai-pegawai di jabatan tersebut.